

13 DEC 2001

Raja-Sambutan (Bergambar)

RAJA PERLIS DIBERI SAMBUTAN RASMI DI MEDAN PARLIMEN

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Syed Putra Jamalullail menghadiri istiadat sambutan rasmi di medan Parlimen pagi ini, sebelum istiadat angkat sumpah jawatan baginda sebagai yang di-Pertuan Agong ke-12 hari ini.

Baginda diiringi Raja Perempuan Perlis Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Semalam Tuanku Syed Sirajuddin dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong yang baru oleh Majlis Raja-Raja Melayu bagi tempoh lima tahun bermula hari ini.

Baginda menggantikan Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dari Selangor yang mangkat pada 21 Nov lepas.

Ketibaan Tuanku Syed Sirajuddin dan Raja Perempuan di Medan Parlimen pukul 9 pagi disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Istiadat keberangkatan tiba itu dimulakan dengan sambutan "Hormat Diraja" manakala lagu "Negeraku" dimainkan oleh pasukan pancaragam pusat Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), serentak dengan tembakan meriam 21 das.

Tuanku Syed Sirajuddin kemudiannya memeriksa kawalan kehormatan Batalion Pertama RAMD terdiri daripada 104 pegawai dan anggota pangkat lain yang diketuai Mejar Mohd Ariffin Suhaimi.

Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Hashim Yahaya kemudiannya membacakan doa selamat sempena majlis itu.

Sejurus selesai persembahan "Hormat Diraja" kali kedua dan lagu "Negeraku" dimainkan, baginda kemudiannya diperkenalkan dengan menteri-menteri kabinet dan timbalan-timbalan menteri.

Baginda kemudian berangkat meninggalkan majlis menuju ke Istana Perlis di sini sebelum menghadiri istiadat melafaz sumpah dan menandatangani surat-surat perisytiharan memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong ke-12 di Istana Negara.

-- BERNAMA

RZS NZ NMO